

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 13 FEBRUARI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

## NCER sasar enam destinasi pelaburan


### NCER sasar enam destinasi pelaburan

**ALOR SETAR** - Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) mengenal pasti enam lokasi untuk menjadi destinasi pelaburan dengan program dan insentif akan dilaksanakan di situ dalam usaha menggalakkan lebih banyak peluang pelaburan.

Dalam kenyataan pada Ahad, pihak NCER menjelaskan lokasi tersebut ialah Langkawi, Kedah; Pulau Pinang; Ipoh, Pulau Pangkor, Taman Negeri Royal Belum di Perak; serta Perlis.

"Fokus utama usaha penggalakan oleh NCER dalam menawarkan peluang pelaburan pelancongan termasuk pembangunan hotel, MICE (mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran), pelancongan penjagaan kesihatan, tarikan bertema, komersial dan runcit, hiburan keluarga, ekopelancongan, kemudahan penginapan dan pelancongan khusus.

"NCER komited untuk memupuk pengembangan industri pelancongan dan telah



NCER komited memupuk pengembangan industri pelancongan dan telah melaksanakan pelbagai program dan insentif pelaburan.



**HARIS**

Mohamad Haris Kader Sultan

melaksanakan pelbagai program bagi membawa lebih banyak pelaburan ke wilayah ini sebagai wilayah pelancongan yang populär," menurutnya.

Sementara itu Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA),

berkata, pelancongan adalah bidang tumpuan utama dalam wilayah ekonomi NCER. Ini kerana industri ini mampu menjadi dan bertindak sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi di wilayah ini.

"Kami yakin pembangunan sektor pelancongan akan memberi impak positif kepada ekonomi tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan dan memacu pertumbuhan," katanya. - *Bernama*